



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892189
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)860814595008
Tarikh : 09 Januari 2025

PUAN LEE WAN WEI,
Pegawai Ehwai Ekonomi E12,
97, Jalan Ainsdale 7/16,
70200 Seremban,
NEGERI SEMBILAN.

Puan,

**TAWARAN TETAP MENGIKUTI LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini bersetuju meluluskan **HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)** dengan kemudahan **CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)** kepada puan untuk mengikuti pengajian seperti berikut:

PENGAJIAN : MASTER OF PUBLIC POLICY
INSTITUSI : UNIVERSITI MALAYA
PENAJA : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
TAHUN : 2025

2. BUTIR-BUTIR KELULUSAN

- (a) **CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (CBBPHLP)** selama **22 BULAN** mulai **17.03.2025** hingga **16.01.2027**.
- (b) Sekiranya pengajian selesai / tamat lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan dalam perenggan 2(a), kelulusan tempoh Cuti Belajar tersebut hendaklah berdasarkan mod pengajian seperti yang berikut:
 - (i) bagi **Kerja Kursus / Campuran** – sehingga tarikh akhir peperiksaan dalam tempoh penajaan; **ATAU**
 - (ii) bagi **Penyelidikan** – sehingga tarikh penghantaran draf tesis.
- (c) Urusan lapor diri hendaklah dibuat setelah tamat tempoh Cuti Belajar di perenggan 2(a) atau 2(b) di atas, yang mana terdahulu **ATAU** mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- (d) Ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan adalah selama **4 TAHUN** dan tuntutan ganti rugi sebanyak **RM100,000.00**.

3. SYARAT-SYARAT TAWARAN

Syarat-syarat Hadiah Latihan Persekutuan dan Cuti Belajar adalah seperti di **LAMPIRAN A dan B - Kit Hadiah Latihan Persekutuan**.

4. KELAYAKAN ELAUN DAN KEMUDAHAN

Puan layak menerima elaun dan kemudahan berikut atas **KADAR A** dengan kelayakan **PEGAWAI SAHAJA** berdasarkan syarat yang ditetapkan di **LAMPIRAN A - Kit Hadiah Latihan Persekutuan**.

- | | |
|-------------------------|--------------------------------------|
| (a) Elaun Sara Hidup | (e) Yuran pengajian universiti |
| (b) Elaun Buku | (f) Tambang perjalanan ke universiti |
| (c) Elaun Alat Perkakas | (g) Tuntutan permohonan universiti |
| (d) Elaun Tesis | (maksimum 3 universiti) |

5. SETUJU TERIMA TAWARAN TETAP

Puan dikehendaki mengemukakan penerimaan tawaran melalui Surat Setuju Terima Tawaran Tetap di Kit Hadiah Latihan Persekutuan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh Surat Tawaran ini.

6. PERJANJIAN

Bagi tempoh pengajian melebihi tiga (3) bulan, puan hendaklah menandatangani dokumen perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat pengajian, mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jabatan ini berhak menarik balik kelulusan ini jika puan gagal menandatangani dokumen perjanjian ini sebelum pengajian bermula. Dokumen perjanjian Am. 19c Pind. CBBPHLP 2021 boleh diakses di http://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/epenawaran.

7. PENGISYTIHARAN KONTRAK BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

Puan dikehendaki mengisytiharkan baki kontrak berkhidmat dengan Kerajaan bagi pinjaman atau biasiswa terdahulu dengan menggunakan Borang Pengisytiharan Kontrak Berkhidmat Dengan Kerajaan di Kit Hadiah Latihan Persekutuan dan mengembalikan borang ke Jabatan ini dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh Surat Tawaran ini.

8. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- (a) Merekodkan kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan seperti yang dinyatakan di **Perenggan 2** ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai.
- (b) Mengesahkan tarikh sebenar pegawai meninggalkan pejabat untuk mengikuti pengajian secara bertulis kepada Jabatan ini.


9. HAK KERAJAAN

Walau apa pun peraturan-peraturan dalam Surat Tawaran ini, Kerajaan berhak meminda syarat-syarat Hadiah Latihan Persekutuan dan Cuti Belajar ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis dan puan adalah tertakluk kepada pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik kelulusan Hadiah Latihan Persekutuan / Cuti Belajar tanpa memberitahu sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SULYANA BINTI AHMAD BAHARAN)
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

s.k.

Unit Pengurusan Kewangan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Perbadanan Produktiviti Malaysia,
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
SELANGOR

Catatan: Sila rekodkan kelulusan di Perenggan 2 dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

Bendahari
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR

Catatan: Sila kemukakan invoice ke Kewangan BMI JPA bagi pembayaran yuran kursus.

PERHATIAN: Surat Tawaran ini perlu dicetak sendiri oleh pegawai untuk simpanan. Pegawai bertanggungjawab menyerahkan salinan Surat Tawaran ini kepada Ketua Jabatan dan Bendahari Universiti untuk tindakan selanjutnya.